

SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI, JANGSAK
UJIAN TOPIKAL
MELAYU ISLAM BERAJA
TAHUN 10

Pilih jawapan yang betul sama ada jawapan A,B,C atau D.

1. Salah satu adat yang diadakan dalam majlis perkahwinan puak Tutong ialah _____.
A. adat berambil-ambilan
B. adat basuh batis
C. adat makan malam
D. adat membuka mulut
2. Adat makan tahun yang masih diamalkan hingga ke hari ini merupakan salah satu adat bagi _____.
A. puak Murut
B. puak Kedayan
C. puak Belait
D. puak Tutong
3. Antara tujuh puak, puak Bisaya merupakan puak yang paling _____.
A. terbesar
B. terkaya
C. terkenal
D. terkecil
4. Puak Murut mengadakan adat makan malam selepas acara _____.
A. berjarum-jarum
B. bersanding pada siang hari
C. bergendang di teratak yang dibina
D. menuai padi
5. _____ adalah antara jenis barangan yang digunakan semasa adat basuh batis.
A. Dua tiga gantang beras dan celapa
B. Cincin dan celapa
C. Parang dan batu pengasah
D. Parang dan pisau

6. Semasa puak Murut mengadakan adat makan malam, kedua-dua pengantin akan bersuap-suapan menggunakan _____.
- A. tangan
 - B. talam besar
 - C. candas
 - D. sudu
7. Puak Kedayan akan membuat persediaan secara _____ bagi mengadakan adat makan tahun.
- A. persendirian
 - B. perlahan-lahan
 - C. bergotong-royong
 - D. beransur-ansur
8. _____ adalah antara barangan atau hadiah yang diberikan oleh saudara mara pengantin ketika adat basuh batis.
- A. Wang, beras dan celapa
 - B. Binatang ternakan, wang dan buah-buahan
 - C. Wang, beras dan binatang ternakan
 - D. Wang, emas dan perak
9. Dalam adat puak Brunei tugas 'pengangun' adalah sebagai _____.
- A. juruarah
 - B. jurucakap
 - C. juruhebah
 - D. jurukira
10. Menurut kepercayaan puak Tutong pengantin dilarang keluar rumah selama 40 hari kerana _____.
- A. mengelak berjumpa dengan orang
 - B. mengelakkan kelaparan dan kesusahan
 - C. mengelakkan kecelakaan dan kemalangan
 - D. memudahkan kehidupan dan kesihatan

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang telah disediakan.

Arkitek Brunei Moden	rasmi	Mazhab Syafi'e	komunikasi	Iban
beraja	Melayu Brunei	rakyat	01 Januari 1984	dunia

1. Puak _____ merupakan puak jati yang terbesar bilangannya di negara ini.
2. Negara Brunei Darussalam telah memperolehi kemerdekaan penuh lagi berdaulat pada _____.
3. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dikenali dunia sebagai _____.
4. Islam sebagai agama rasmi negara berlandaskan fahaman Ahlus Sunnah Wal-Jema'ah dan _____ sebagai cara hidup yang lengkap.
5. Bahasa Melayu diisytiharkan sebagai Bahasa _____ negara yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bab 82 (1).
6. Puak-puak Melayu jati yang termaktub dalam perlembagaan terdiri daripada tujuh puak kecuali puak _____.
7. Agama Islam menekankan dan menganjurkan umatnya menuntut ilmu tidak kira ilmu akhirat atau _____.
8. Sistem _____ sudah lama diamalkan di negara ini iaitu sejak pemerintahan Sultan Muhammad Shah, sultan Brunei yang pertama hingga sekarang.
9. Sultan sebagai pemimpin kepada _____ yang memegang amanah Allah S.W.T. bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara.
10. Tiap-tiap puak bangsa Melayu jati Brunei mempunyai bahasa atau dialek sendiri yang digunakan sebagai alat _____.